

Rizab Antarabangsa Bank Negara Berjumlah RM424.2 Bilion Pada 14 Mac, 2014
Bernama
21 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM424.2 bilion (bersamaan dengan AS\$129.6 bilion) pada 14 Mac, 2014.

Bank pusat tersebut dalam satu kenyataan Jumaat berkata paras rizab itu mencukupi untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan merupakan 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

"Komponen utama rizab antarabangsa itu ialah rizab mata wang asing (AS\$116.6 bilion), rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (AS\$900 juta), Hak Pengeluaran Khas (AS\$2 bilion), emas (AS\$1.4 bilion) dan aset rizab lain (AS\$8.7 bilion)," kata BNM.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023744>